



**AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**  
*Jabatan Akauntan Negara Malaysia*  
**Accountant General's Department Malaysia**  
Kompleks Kementerian Kewangan  
No 1, Persiaran Perdana  
Presint 2  
62594 PUTRAJAYA  
MALAYSIA



Tel: 603-882 1000  
Faks: 603-882 1042  
Laman Web: [www.anm.gov.my](http://www.anm.gov.my)  
E-mel (E-mail): [wselamah@anm.gov.my](mailto:wselamah@anm.gov.my)

No. Rujukan : ANM/ POPA/ SPP/ 3/ 4(2<sup>9</sup>)  
Tarikh : 30 Disember 2015

**PERBELANJAAN PEMBANGUNAN  
WARAN AM BIL. 1 TAHUN 2016**

Adalah dimaklumkan bahawa Waran Am Bil. 1 Tahun 2016 bagi Perbelanjaan Pembangunan telah diluluskan mengikut Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 berjumlah **RM52,000,000,000**.

2. Kementerian/ Jabatan boleh melakukan perbelanjaan masing-masing seperti anggaran yang telah diluluskan dalam Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2016 tertakluk kepada arahan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan.


Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
***"Inovasi & Integriti Merealisasi Perakaunan Akruan"***

(DATO' HJ CHE PEE BIN SAMSUDIN)  
Akauntan Negara Malaysia

Agihan kepada :

Ketua Audit Negara  
Semua Pegawai Pengawal



**MENTERI KEWANGAN II  
MALAYSIA**

**AKTA KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN 1966 [AKTA 406]  
ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN  
WARAN AM BIL. 1 TAHUN 2016**

KK/BPB(8.03)202/15/9B/2016

Akauntan Negara,  
Malaysia,  
Putrajaya

Mengikut Seksyen 8 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], dengan ini saya mengarahkan dan menghendaki tuan mengeluarkan wang daripada Kira-kira Kumpulan Wang Pembangunan di dalam Kumpulan Wang Disatukan bagi perkhidmatan tahun 2016, sebanyak tidak lebih daripada **lima puluh dua bilion ringgit (RM52,000,000,000)** dan mengira pengeluaran wang tersebut di bawah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek) Perbelanjaan di dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan dan memasukkan kira-kira ini ke dalam Kumpulan Wang Pembangunan.

**ADALAH DISYARATKAN** bahawa jumlah wang yang dikeluarkan bagi mana-mana Maksud atau Butiran (Projek) di bawah kuasa Waran ini tidak boleh melebihi jumlah yang diperuntukkan bagi Maksud atau Butiran (Projek) itu mengikut ruangan "Anggaran Tahun 2016 – 'Cara Langsung' dan 'Pinjaman'" dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2016.

**DAN JUGA DISYARATKAN** bahawa wang tidak boleh dikeluarkan bagi mana-mana Butiran (Projek) di bawah ruangan "Pinjaman" melainkan kelulusan Perbendaharaan telah diperolehi terlebih dahulu untuk mengeluarkan peruntukan itu.

**DAN LAGI DISYARATKAN** bahawa jumlah-jumlah yang dikeluarkan bagi satu-satu Maksud atau Butiran (Projek) pada bila-bila masa hendaklah jangan melebihi jumlah anggaran harga bagi menyiapkan rancangan itu seperti yang tercatat di bawah ruangan "Jumlah Anggaran Harga Projek" Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2016.

Dan dengan yang demikian, surat kuasa ini berserta dengan kira-kira dan pengesahan-pengesahan yang betul adalah menjadi kuasa penuh bagi tuan.

Saya turunkan tandatangan pada **08 DEC 2015**

  
**DATO' SERI AHMAD HUSNI MOHAMAD HANADZLAH  
MENTERI KEWANGAN KEDUA**

Perbendaharaan Malaysia,  
Putrajaya